

08/12/1999

MB Kedah angkat sumpah Sabtu (HL)

Azman Abdul Hamid; Mohd Noh Senan

PUTRAJAYA, Selasa - Menteri Besar baru Kedah, yang penyandanganya belum ditentukan, akan mengangkat sumpah jawatan pada 11 Disember ini.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain, berkata surat pelantikan Menteri Besar Kedah akan dihantar kepada Pejabat Sultan atau Setiausaha Kerajaan Negeri.

Beliau yang ditemui pemberita selepas menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini, bagaimanapun tidak memberitahu siapa yang akan dilantik ke jawatan itu.

Ini adalah kali kedua beliau menemui Dr Mahathir dalam tempoh dua hari. Kali pertama Syed Razak menemui Perdana Menteri ialah pagi semalam.

"Perbincangan seperti biasa," katanya ketika ditanya sama ada isu pengganti Tan Sri Sanusi Junid, yang mengumumkan tidak mahu dilantik semula sebagai menteri besar, dibincangkan.

Selain Syed Razak, bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, turut menemui Perdana Menteri hari ini. Osman bagaimanapun tidak membuat sebarang ulasan.

Spekulasi mengenai siapa Menteri Besar Kedah semakin kencang selepas Sanusi mengumumkan peletakan jawatannya dengan alasan mahu memikul tanggungjawab atas kemerosotan prestasi Umno di negeri itu pada pilihan raya umum ke-10, 29 November lalu.

Umno kehilangan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan lapan kerusi Parlimen di negeri itu kepada Pas.

Syed Razak yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kubang Rotan, dilantik menyertai majlis mesyuarat Kerajaan Kedah sejak 1992, sekali gus menjadikannya Exco paling kanan di negeri itu dan paling layak menggantikan Sanusi.

Satu lagi nama yang turut disebut-sebut sebelum ini ialah Adun Jitra, Prof Datuk Dr Othman Ishak, bekas Rektor Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah).

Turut kelihatan masuk ke Pejabat Perdana Menteri hari ini ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin.

Pertemuan mereka dengan Dr Mahathir dipercayai berkaitan pembentukan Kabinet baru dan isu lain berhubung politik semasa.

Di SEREMBAN, upacara mengangkat sumpah Menteri Besar, yang dijadualkan di Istana Seri Menanti hari ini, mungkin ditunda esok atau Isnin ini.

Semua Adun yang berada di istana itu pagi ini terpaksa pulang apabila mendapat tahu Mohd Isa yang juga Adun Linggi, tidak hadir.

Beberapa Adun yang ditemui lewat petang ini enggan mengulas mengenai penundaan tarikh upacara itu tetapi ia dipercayai disebabkan `keengganan pihak istana' menyetujui senarai barisan Exco baru.

Mohd Isa yang ditemui pemberita selepas menghadiri upacara melihat anak bulan di Teluk Kemang, Port Dickson malam ini, enggan menjelaskan lanjut perkembangan itu.

"Tunggulah esok dan tanyalah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Ali Abdul Samad," katanya sambil menambah, beliau sudah menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, petang ini.

Mohd Ali ketika ditemui di tempat yang sama berkata, setakat ini tidak ada masalah berbangkit berhubung upacara mengangkat sumpah Mohd Isa sebagai Menteri Besar.

"Saya hanya menunggu panggilan daripada Istana untuk menetapkan tarikh bagi upacara itu. Kemungkinan esok, kita akan dapat tahu tarikh sebenar dan tunggulah sehingga upacara itu diadakan," katanya.

Beliau menafikan dakwaan kononnya Istana enggan menerima senarai barisan baru.

"Setakat ini memang tidak ada masalah dan apa yang diketahui pihak Istana sudah bersetuju dengan senarai cadangan barisan Exco yang dikemukakan," katanya.

Mohd Ali menjelaskan, mulanya upacara itu dirancang serentak dengan majlis penyampaian bintang dan pingat kepada lebih 190 penerima di Istana Seri Menanti hari ini.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak dapat dilangsungkan kerana memakan masa dan kerana itu, lebih baik ia diadakan pada hari berasingan.

Menurutnya, upacara kali ini akan diadakan serentak iaitu Menteri Besar mengangkat sumpah bersama barisan Exco baru, berbanding sebelum ini yang mana Menteri Besar mengangkat sumpah jawatan pada hari berasingan dengan Exco yang lain.

Semalam, Mohd Isa menyerahkan surat pelantikan Menteri Besar yang diterima daripada Dr Mahathir tetapi sehingga kini beliau belum menerima watakah pelantikan jawatan daripada Yang Dipertuan Besar, Tuanku Ja'afar.

Di KANGAR, majlis angkat sumpah Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai Menteri Besar Perlis yang dijadualkan berlangsung di Istana Arau pada 10 pagi esok, ditunda ke Khamis ini.

Shahidan berkata, penundaan itu dibuat kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, lagi pun hari Khamis lebih sesuai untuknya mengangkat sumpah.

Ketika ditemui di sini petang ini, beliau berkata masa dan tempat bagi majlis itu tidak berubah.

Shahidan, 48, ialah Adun Tambun Tulang dan pelantikan beliau sebagai Menteri Besar adalah bagi penggal kedua.

(END)